

KARTUN DAN ANIME SEBENARNYA BERBEZA

Oleh: Akid Adly Ooi bin Azhar Ooi, 1171180,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Dunia animasi berkembang lebih maju dengan bantuan teknologi moden bagi memudahkan proses penghasilan animasi berkualiti tinggi seperti video yang mempunyai resolusi 8K.


Kecanggihan teknologi ini telah mempengaruhi dua karya paling popular dalam dunia animasi iaitu kartun dan anime.

Ramai yang menganggap bahawa kartun dan anime adalah perkara yang sama. Namun, kedua-duanya adalah berbeza sama sekali walaupun dikategorikan sebagai hiburan. Jadi, apakah perbezaan antara kartun dan anime?

Sebenarnya, kartun adalah animasi barat yang mana ditujukan khas kepada kanak-kanak dan bentuk seni visualnya bergambar dua dimensi.

Anime pula adalah gaya kartun Jepun yang mengandungi watak-watak yang bersemangat, grafik berwarna-warni dan tema fantastik.

Jadi, perbezaan antara kartun dan anime boleh dilihat dalam pelbagai aspek seperti dari segi ciri visual, sasaran penonton dan penghasilan.



Melihat dari segi ciri visual, kartun kebiasaannya mempunyai watak yang tidak menyerupai manusia.

Kita boleh lihat kebanyakan watak dalam kartun mempunyai fizikal badan dan wajah yang pelik seperti kepala besar dan badan kecil atau kepala berbentuk petak dan badan seperti lidi.

Berbeza pula dengan anime, ciri visualnya mempamerkan ekspresi wajah dan fizikal yang memang menyerupai manusia. Dari sudut ini kita boleh katakan bahawa anime kelihatan lebih realistik berbanding kartun.

Selain itu, kartun dan anime juga mempunyai sasaran penonton yang berbeza. Kebanyakan kartun disasarkan untuk tontonan kanak-kanak, terutamanya sebelum peringkat usia remaja.

Kandungan yang dibawa oleh kartun kebanyakannya direka untuk menghiburkan kanak-kanak.

Beberapa contoh kartun yang popular termasuk 'Tom dan Jerry', 'Scooby Doo', 'Garfield' dan 'Mickey Mouse'. Oleh itu, kebanyakan cerita kartun diklasifikasi sebagai tontonan umum.

Manakala anime pula menyasarkan kepada kanak-kanak dan orang dewasa. Kandungan dalam anime jauh lebih berbeza berbanding kartun.

Hal ini kerana anime menampilkan kandungan untuk golongan dewasa yang menyentuh soal seks dan keganasan.

Sesetengah cerita anime pula berkait dengan perkara yang serius dan rumit untuk difahami.

Ia memerlukan kefahaman yang mendalam, tidak seperti kartun yang direka khas untuk menghiburkan penonton.

Oleh yang demikian, kebanyakan cerita anime diklasifikasikan dalam kategori P13 dan tontonan 18 tahun ke atas.

Penerbitan untuk kartun dan anime juga berbeza. Seperti yang kita maklum, kebanyakan penghasilan kartun berasal dari Amerika Syarikat manakala anime berasal dari Jepun.

Perkara ini dapat dikenal pasti melalui suara latar sesebuah cerita. Kartun menggunakan suara latar dalam bahasa Inggeris manakala suara latar anime dalam bahasa Jepun.

Jadi, setiap negara akan menghasilkan rancangan kartun yang lebih bersesuaian dengan norma masyarakat mereka ataupun berunsurkan adiwira, legenda, dan mitos dari negara masing-masing.

Sebagai contoh, dalam kartun kebanyakan wataknya menggunakan kenderaan sendiri manakala watak anime pula lebih banyak menggunakan pengangkutan awam.